

# 228 sertai Ocean Walk dan Kempen Kesedaran Awam

UB 6.6.2016 B1



**PARA** peserta bersedia memulakan perjalanan dalam acara Ocean Walk.

SERAMAI 228 orang menyertai program Ocean Walk dan Kempen Kesedaran Awam tentang Perubahan Iklim dan Pemanasan Global yang dikendalikan oleh Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula 26 Mei hingga 4 Jun lepas bertempat di Institut berkenaan.

Program itu diadakan bersempena sambutan Hari Laut Sedunia

(WOD) dan Hari Terumbu Segitiga (CTD) yang turut mendapat kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia dengan pelbagai agensi kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO).

Pengarah IPMB Profesor Dr Rossita Shapawi berkata sambutan itu bertujuan memberi kesedaran kepada orang awam mengenai pemuliharaan laut dalam kalangan masyarakat.

"Program ini juga salah satu usaha untuk menambahkan pengetahuan orang awam mengenai kempen-kempen kesedaran alam sekitar terutamanya terhadap ekosistem marin.


"Di samping itu, ia secara langsung mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan kakitangan UMS bersama orang luar sambil beriadah," katanya.

Beliau berkata bermula 2014 lagi, UMS

sememangnya turut menyambut WOD dan CTD di peringkat kebangsaan secara serentak bagi seluruh negara.

Katanya pelbagai acara diadakan sepanjang sambutan berkenaan seperti Ocean Walk, Pertandingan Mewarna untuk kanak-kanak (pelajar sekolah), pameran dan juga aktiviti interaktif mengenai perubahan iklim dan pemanasan global.

Oleh **SADDAM EDRIS**



**AKTIVITI** senamrobik turut dijalankan pada sambutan berkenaan.